

SOALAN NO.: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 26 MEI 2016

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan adakah pihak Kementerian boleh mengambil apa-apa langkah untuk membantu para penoreh getah yang terjejas dengan harga getah yang rendah dan cuaca yang panas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin tentang isu kejatuhan harga getah dan kesannya kepada pendapatan lebih 300,000 orang pekebun kecil termasuk penoreh getah di seluruh negara. Bagi membendung isu kejatuhan harga getah dan bagi memastikan kebajikan pekebun kecil getah tidak terjejas, Kerajaan telahpun melaksanakan langkah-langkah serta merta seperti berikut:

i. **Melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG)**

- IPG telah mula dilaksanakan pada Januari 2015. Pada Januari 2016, Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG bagi SMR10 telah dinaikkan dari RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram dengan peruntukan dana sebanyak RM200 juta. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding dengan RM1,000 dengan kadar lama.
- Sehingga 30 April 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta. Pendekatan ini

membolehkan pekebun kecil meneruskan aktiviti penorehan semasa harga getah yang rendah;

ii. Melaksanakan Mekanisme Penetapan Harga Di Ladang

- Menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk menjalankan aktiviti urusniaga getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang.
- Berdasarkan maklum balas, sehingga kini sebanyak 18 koperasi sedang terlibat dalam urusniaga getah dan menawarkan pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah;

iii. Menyediakan infrastruktur kutipan lateks

Peruntukan sebanyak RM10 juta telah disediakan bagi menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Peruntukan ini akan digunakan untuk tujuan memperkuuhkan infrastruktur kutipan lateks di mana ianya akan dilaksanakan di beberapa tempat seperti Palong, Negeri Sembilan, Lipis, Pahang dan Grik, Perak. Langkah ini di samping mengurangkan pengimportan lateks juga akan menyumbang

kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*; dan

iv. Bantuan Tanam Semula dan Tanam Baru

Meneruskan bantuan kepada pekebun kecil untuk aktiviti tanam semula dan tanam baru, iaitu sebanyak RM9,230 sehektar bagi Semenanjung manakala Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah RM14,000 dan RM13,500 sehektar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain itu, strategi jangka masa panjang Kementerian bagi menstabilkan harga getah termasuk:

- i. Menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara termasuk menggunakan adunan getah dengan bitumen dalam pembinaan jalan raya. Hasil penyelidikan menunjukkan penggunaan adunan bitumen dengan getah, walaupun meningkatkan kos pembinaan sehingga 15%, dapat menjimatkan kos penyenggaraan dengan anggaran sebanyak RM25,000 bagi setiap kilometer setahun. Ini disebabkan oleh daya ketahanan jalan yang lebih tinggi;
- ii. Memperkuatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berdasarkan getah. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan

getah asli dalam negara termasuk pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport; dan

- iii. Bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli dunia bagi menstabilkan harga getah. Ini adalah memandangkan Malaysia merupakan negara keenam terbesar pengeluar getah asli dan secara bersendirian tidak dapat mempengaruhi harga getah asli dunia. Umpamanya, *International Tripartite Rubber Council* yang dianggotai oleh Malaysia, Thailand dan Indonesia telah bersetuju untuk melaksanakan 'Agreed Export Tonnage Scheme' (AETS) bagi tempoh enam bulan dari Mac hingga Ogos 2016. Di bawah mekanisme ini, ketiga-tiga negara akan menghadkan eksport sebanyak 615,000 tan getah asli bagi tempoh tersebut. Langkah ini dijangka akan menyumbang kepada usaha-usaha menstabilkan harga getah asli.

Sekian, terima kasih.